



INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA
(Malaysian Agricultural Research and Development Institute)

IKLAN JAWATAN KOSONG

TARIKH BUKA IKLAN: 21 DISEMBER 2020

MARDI sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia mempelawa warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut :-

JAWATAN 1 : PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q29

KLASIFIKASI : Penyelidikan dan Pembangunan (Q)

KUMPULAN : Pelaksana

TARAF JAWATAN : Tetap/Kontrak (*Contract of Service*)

PENEMPATAN : Semenanjung Malaysia & Sarawak (Bintulu)

JADUAL GAJI : Gred Q29

Gaji Minimum

RM1,496.00

Gaji Maksimum

RM5,676.00

1. SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan mendapat Prinsipal dalam subjek Matematik atau salah satu subjek sains.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,496.00); atau

(b) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,496.00); atau

(c) Sijil Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,496.00); atau

(d) Diploma dalam bidang sains yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,774.37); atau

(e) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,849.57); atau

(f) Diploma Sains Veterinar/Haiwan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Q29: RM1,924.77).

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penyelidik adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penyelidik Gred Q29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perkara 1; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. RINGKASAN TUGAS : Membantu Pegawai Penyelidik dalam perancangan projek penyelidikan, pengendalian projek penyelidikan, mengumpul, merekod maklumat dan menganalisis data-data projek serta penyediaan peralatan projek penyelidikan

CARA MEMOHON:

- i) Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan) sepenuhnya dengan melayari <http://ejawatan.mardi.gov.my/>
 - a. Mendaftar di Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan)
 - b. Memohon jawatan yang berkaitan
- ii) Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap disertakan salinan dokumen yang diperlukan berserta dengan gambar formal terkini dan berukuran passport (Gambar swafoto/selfie tidak dibenarkan). **Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.**
- iii) Pemohon hendaklah mengemukakan maklumat perhubungan (nombor untuk dihubungi dan alamat emel) yang terkini.
- iv) Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Manakala, calon yang berkelayakan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga.
- v) Hanya calon yang layak selepas sesi tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga dan permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

TARIKH TUTUP IKLAN : 04 JANUARI 2021

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 03-8953 7043/7037

Peringatan:

- i) *Selain daripada syarat dan keutamaan yang dinyatakan di dalam iklan, calon yang memohon juga dikehendaki untuk mematuhi perkara berikut:*
 - a. *Calon adalah sihat untuk berkhidmat;*
 - b. *Tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah;*
 - c. *Tidak pernah dibuang kerja;*
 - d. *Bukan penagih dadah;*
 - e. *Tidak memiliki kewarganegaraan asing;*
 - f. *Bukan seorang bankrap;*
 - g. *Tidak dibersarakan atas sebab kesihatan; dan*
 - h. *Tidak pernah ditamatkan perkhidmatan dari perkhidmatan awam.*
- ii) *Calon yang dilantik perlu akur terhadap penempatan/tempat bertugas yang ditentukan dari semasa ke semasa demi kepentingan Institut.*